

MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR

mercu tanda **PEMBANGUNAN SYIAR ISLAM**



11 November : Perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibtisam Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah hari ini.

Seluruh warga universiti terutama yang beragama Islam berhimpun di perkarangan masjid sejak dari awal pagi untuk sama-sama menyaksikan peristiwa yang sungguh bermakna ini.

Masjid Sayyidina Abu Bakar menjadi lambang syiar Islam yang baru bagi warga UTeM. Pembinaan Masjid UTeM dalam merekabentuk, membina, menguji terima dan menyiapkan telah mengambil masa selama 24 bulan.

Projek pembinaan ini bermula pada 1 Mei 2007 dan siap dibina pada 12 Mei 2010 dengan keluasan lantai 5,404.59 meter persegi. Masjid ini dapat menampung seramai 4,400 jemaah dalam satu masa.

Masjid ini juga mempunyai ruang sembahyang yang luas dan selesa. Ruang sembahyang untuk jemaah lelaki terletak di aras satu dan ruang sembahyang bagi jemaah wanita terletak di aras dua bangunan masjid. Di dalam ruang ini juga turut diadakan aktiviti seperti kuliah, ceramah serta pelbagai program kerohanian lain.

Ketika baru memulakan operasinya, Masjid Sayyidina Abu Bakar telah menjadi wadah dalam membina keperibadian muslim bagi melahirkan umat terbilang (khaira ummah) terutama sekali untuk warga universiti.

Di antara aktiviti yang pernah dijalankan seperti Kelas Tahsin Al-Quran, Kelas Fardhu 'Ain Lelaki dan Wanita, Kelas Fiqh Sirah, Kelas Fiqh Jinayat, Kelas Bahasa Arab, Kuliah Tafaquh fi Din, Kuliah Jumaat, Muhadarah Ilmiah, Muzakarah Ilmiah, Majlis Kebesaran Islam serta Majlis Sambutan Maal Hijrah.

Sehubungan itu sembahyang berjemaah turut dilaksanakan di masjid ini di samping solat Jumaat pada setiap minggu serta solat tarawih dan solat sunat Hari Raya yang memberi kemudahan kepada penduduk sekitar Kampus Induk.

Majlis perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar turut dihadiri oleh Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil bin Yaakob, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, wakil-wakil kerajaan negeri, wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta agensi-agensinya kerajaan di negeri ini.



BERITA
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

LG
173
.M44
.B47
2011
a
Nov

KANDUNGAN

Masjid Sayyidina Abu Bakar Mercu Tanda Pembangunan Syiar Islam | Pejabat Bendahari Ungguli Anugerah Emas Dalam Pelaksanaan Sistem 5S | Program 'CEO Roundtable' Beri Input Positif | UTeM Teroka Peluang Kerjasama Strategik Bersama Institusi Penyelidikan dan Pengajian Tinggi Korea Selatan | UTeM Rangka Jalinan Kerjasama Strategik Bersama Perancis | Majlis Pelancaran Kelab TAHA@U Peringkat Negeri Melaka Berlangsung di UTeM | Program 'MANTAP' FTK Wujudkan Anjakan Paradigma di Kalangan Pelajar | Mahasiswa UTeM Timba Pengalaman Baru di Turki | FKP Rai Pelajar Cemerlang Akademik | FKM Anjur Minggu Rekabentuk 2011 | UTeM Sediakan Ruang Niaga Bentuk Budaya Keusahawanan Mahasiswa | UTeM Tuan Rumah Kejohanan Taekwando Terbuka Peringkat IPT | FTK Adakan Lawatan ke MFI UniKL | Taklimat Persediaan Latihan Kebakaran - Kerjasama UTeM dan Pihak Bomba | Program UTeM Terbilang Bentuk Jati Diri dan Semangat Kerja Berpasukan yang Tinggi | Program PINTAR Suntik Semangat Warga Kampus Bandar | BKP Pejabat Pendaftar Anjurkan Program Motivasi Kasih dan Tanggungjawab Terhadap Ibu Bapa | Kelahiran November | Personaliti Pilihan | UTeM Naib Johan Antara Jabatan Kerajaan Negeri Melaka



9771985470003



87516193



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Zaffaruddin Bin Hamzah
Shahril Hazazi Bin Abu Bakar

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247



Pejabat Bendahari Ungguli Anugerah Emas Dalam Pelaksanaan

Sistem 5S



20 Oktober : Pejabat Bendahari UTeM telah berjaya merangkul Anugerah Emas bagi Kategori Sektor Awam - Badan Berkanun Persekutuan di Konvensyen Persekitaran Kualiti (5S) Peringkat Kebangsaan 2011 yang diadakan baru-baru ini.


Konvensyen itu telah menghimpunkan sebanyak 40 buah organisasi 5S terbaik dari seluruh Malaysia ke pertandingan akhir dan keputusan telah memihak kepada Pejabat Bendahari UTeM dengan merangkul anugerah tersebut.

Menurut Bendahari UTeM Khairul Taib, kejayaan ini merupakan satu komitmen dan usaha berterusan daripada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan sistem 5S ini.

Beliau mengulas lanjut, pelaksanaan sistem 5S adalah untuk mewujudkan budaya kerja sistematik, efisien dan produktif sekaligus melancarkan operasi pejabat itu yang memberi perkhidmatan kepada seluruh universiti.

Sementara itu Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan melahirkan rasa gembira kerana kejayaan ini memberi impak besar dan meningkatkan lagi prestij serta nama baik UTeM di kalangan IPTA dan juga sektor Badan Berkanun Persekutuan negara kita.

Kejayaan tersebut selari dengan hasrat UTeM yang sentiasa menyokong penuh ke arah pengwujudan persekitaran kualiti seterusnya meningkatkan produktiviti dalam pelaksanaan operasi harian universiti.



1 November : UTeM menghasilkan model penjanaan graduan mengikut acuan tersendiri berdasarkan keperluan semasa industri serta beberapa kriteria berkaitan dalam memastikan tahap kebolehpasaran graduan universiti ini mencapai tahap maksimum.

Perkara tersebut diketengahkan sewaktu perbincangan bersempena dengan majlis "CEO Round Table" yang telah diadakan di Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM, yang dihadiri seramai 10 orang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat ternama dalam negara.

Antaranya ialah Mercy Malaysia, Silterra (M) sdn Bhd, Green Packet Bhd, My Harapan, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Industronics Bhd, IC Microsystem Sdn Bhd, Pembangunan Buku Hijau Holding Sdn Bhd dan beberapa buah industri lagi.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail berkata, hasil daripada rundingan

ini beberapa syarikat akan bekerjasama erat serta memberi sumbangan kepada UTeM dalam beberapa perkara utama.

Antaranya ialah YIM akan memberi kerjasama dalam jejak inovasi penyelidikan, Silterra sedia mengambil pelajar dan kakitangan UTeM untuk turut sama mendapatkan pendedahan dalam aspek pengendalian pelanggan di peringkat global.

Manakala Green Packet pula sedia menerima pelajar UTeM dan akan memberi pendedahan kepada mereka tentang teknologi tinggi yang terdapat di kawasan pembuatan syarikat ini yang terdapat di seluruh dunia.

Sememangnya program 'CEO Round Table' ini telah memberi impak besar kepada UTeM dan juga pihak industri yang terlibat secara khusus dan sektor perindustrian lain secara umumnya.





UTeM rangka JALINAN KERJASAMA STRATEGIK bersama PERANCIS

2 November : UTeM telah menerima kunjungan delegasi dari Kedutaan Perancis di Malaysia baru-baru ini. Lantaran itu satu perbincangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Kunjungan tersebut tertumpu kepada perbincangan dua hala antara UTeM dan Malaysia France University Center (MFUC) bagi merangka kerjasama bagi program-program akademik.

Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain dan dihadiri oleh dekan dari fakulti-fakulti UTeM manakala MFUC diwakili oleh Dr. Mathiew Guerin.

Antara kerjasama yang dicadangkan termasuklah program Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah secara kerjasama serta program mobiliti pelajar dan kakitangan.

Pada masa yang sama, Dr. Mathiew Guerin telah menjalankan sesi penerangan berkenaan sistem pendidikan di Perancis yang agak berbeza dengan sistem pendidikan di Malaysia.

Beliau juga memaklumkan bahawa pihak Kedutaan Perancis di Malaysia bersedia bekerjasama dengan UTeM untuk merealisasikan hubungan kerjasama dengan universiti-universiti di Perancis.

UTeM Teroka Peluang Kerjasama Strategik bersama Institusi Penyelidikan dan Pengajian Tinggi Korea Selatan

30 November : Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah mengadakan lawatan kerja ke Korea Selatan dalam usaha meneroka jalinan kerjasama strategik dengan institusi penyelidikan dan pengajian tinggi di sana. Lawatan tersebut bertujuan melihat kemajuan teknologi industri yang diaplikasikan Korea Selatan dalam pengajian tinggi di samping menjalin hubungan erat dengan institusi-institusi terkemuka dalam bidang penyelidikan.

Delegasi yang diketuai oleh Naib Canselor serta pegawai-pegawai kanan universiti dan FKEKK telah melawat Hanback Electronics, syarikat peralatan pembelajaran termaju Man & Tel, Kumoh National Institute of Technology, Korea Advanced Institute of Science and Technology serta Daegu Gyeongbuk Institute of Science and Technology. Dalam rangka lawatan tersebut, pelbagai reaksi positif telah diterima malah institusi yang dilawati sangat mengalu-alukan kerjasama strategik yang bakal direncanakan. Sejarah turut tercipta apabila UTeM dan Kumoh National Institute of Technology memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dalam memperkasakan pengajian tinggi teknikal negara.

Melalui MoU tersebut, UTeM dan Kumoh National Institute of Technology akan bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan, program pertukaran pelajar dan staf serta kolaborasi dalam bidang kepakaran teknikal.

Presiden Kumoh National Institute of Technology, Dr. Hyung Sik Woo menyatakan bahawa pihaknya amat berbangga terhadap jalinan strategik yang dirangka dan menyeru kedua-dua belah pihak agar memanfaatkan peluang tersebut dalam memajukan institusi masing-masing.



Majlis Pelancaran Kelab TAHA@U Peringkat Negeri Melaka Berlangsung di UTeM

8 November : Tabung Haji (TH) Melaka telah memilih UTeM sebagai lokasi Majlis Pelancaran Kelab Taha@U Peringkat Negeri Melaka yang berlangsung dengan penuh meriah di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk hari ini.

Menurut Pengarah TH Melaka, Redhuan Sabaruddin berkata, Kelab Taha@U diwujudkan bagi menyemai budaya menabung di kalangan mahasiswa di samping dapat mengikuti pelbagai aktiviti berfaedah yang dianjurkan dari masa ke semasa.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Pengerusi Hal Ehwal Agama Negeri, Mohd Yazid Khamis yang mewakili Ketua Menteri Melaka, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, Ketua Biro Berita Harian Melaka Amirullah Andi Nur serta pegawai-pegawai kanan TH Melaka.

Majlis tersebut dijalankan serentak dengan ibadah korban sempena sambutan Aidiladha menyaksikan sebanyak 8 ekor lembu dikorbankan. Seramai lebih 300 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan staf bergotong royong melaksanakan program tersebut.



Program 'MANTAP' FTK Wujudkan Anjakan Paradigma di Kalangan Pelajar


10 November : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM telah menganjurkan Program Mahasiswa Ampuh Nilai, Teras Agenda Perjuangan atau singkatannya program 'MANTAP'.

Program ini telah dijalankan selama dua hari di Kampus Industri melibatkan penyertaan seramai 40 orang pelajar program teknologi kejuruteraan dari fakulti tersebut.

Menurut Dekan FTK Prof Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, melalui program ini para pelajar didedahkan dengan misi dan visi fakulti bagi menyediakan mahasiswa yang benar-benar memahami akan hala tuju sebenar mereka di sini.

Tambah beliau lagi, program ini juga turut menggerakkan para pelajar supaya mampu melakukan anjakan paradigma dalam konteks kompetensi serta bersahsiah murni di dalam menempuh persaingan semasa yang kian mencabar.

Menariknya program MANTAP ini telah dibahagikan kepada dua sesi pengisian. Sesi pertama ialah pelaksanaan program berkisar kepada pembangunan diri pelajar dan pembentukan semangat bekerja dalam satu pasukan dalam bentuk permainan. Antara aktiviti permainannya adalah seperti 'Trust Your Friend Game' dan 'XY Game'. Sesi kedua pula ialah aktiviti sukan futsal dan bola jaring.



Mahasiswa UTeM Timba Pengalaman Baru di Turki



1 November : Seramai 21 orang pemimpin pelajar UTeM telah merasai pengalaman baru apabila terpilih mengikuti lawatan sambil belajar ke dua buah universiti di Turki iaitu Universiti Teknikal Yildiz dan Universiti Teknikal Istanbul.

Menurut Pengarah Program, Mohd Khairul Shahril bin Mustaq Ahmad, objektif program itu ialah bagi mendedahkan pemimpin-pemimpin pelajar UTeM dengan budaya luar yang positif dalam menjana pemikiran yang lebih kreatif serta berpandangan jauh, mengeratkan hubungan antarabangsa dan diplomatik antara pemimpin-pemimpin pelajar UTeM dengan pemimpin-pemimpin pelajar universiti di Turki.

Tambah beliau lagi, ianya juga berjaya mewujudkan rangkaian pengantarabangsa pelajar UTeM sebagai platform bagi mengadakan aktiviti, program dan interaksi di peringkat antarabangsa.

Universiti pertama yang dilawati ialah Universiti Teknikal Yildiz yang merupakan salah satu universiti teknikal di Turki yang telah ditubuhkan pada tahun 1912 dan akan meraikan ulangtahun ke 100 pada tahun hadapan.

Universiti kedua yang dilawati ialah Universiti Teknikal Istanbul iaitu universiti teknikal pertama di Turki yang telah ditubuhkan pada tahun 1773. Universiti ini merupakan universiti terbaik dalam aliran kejuruteraan di Turki.



FKP rai PELAJAR CEMERLANG AKADEMIK

2 November : Seramai 149 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menerima sijil Anugerah Dekan FKP bagi tahun 2011.

Majlis itu telah berlangsung di Makmal Advance Manufacturing Centre (AMC) FKP Kampus Induk untuk semester II 2010 / 2011 yang merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan fakulti.

Menurut Dekan FKP Dr. Mohd Rizal Salleh berkata, objektif diadakan majlis ini adalah bagi mengiktiraf kejayaan akademik yang telah ditonjolkan oleh barisan pelajar dari fakulti tersebut.

Katanya, majlis itu diadakan sebagai satu suntikan semangat serta lonjakan motivasi kepada seluruh pelajar FKP khususnya dan seluruh pelajar UTeM secara umumnya. Beliau turut mengucapkan syabas kepada pelajar yang telah menerima Sijil Anugerah Dekan dan berharap semoga kejayaan ini diteruskan secara konsisten sehingga mereka bergraduat kelak.



FKM anjur MINGGU REKABENTUK 2011

16 November : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) hari ini menganjurkan Minggu Rekabentuk 2011 yang disertai oleh pelajar-pelajar fakulti tersebut. Menurut Dekan FKM, Prof. Dr. Md Razali Ayob berkata, program tersebut diadakan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar FKM untuk mempamerkan hasil inovasi mereka kepada umum.

Selain itu katanya lagi, acara tersebut merupakan platform kepada pelajar untuk meningkatkan daya penyampaian dalam memberikan penerangan terhadap produk yang dipamerkan di samping memupuk minat pelajar dalam menghasilkan produk bermutu tinggi.

Selain pertandingan rekabentuk, FKM turut mengundang pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan dan inovasi untuk berkongsi ilmu dengan pelajar dan pensyarah melalui forum-forum yang diadakan.



UTeM Sediakan Ruang Niaga Bentuk Budaya Keusahawanan Mahasiswa

9 November : UTeM terus mengutamakan aspek pembangunan holistik dari pelbagai sudut termasuklah aspek keusahawanan dalam kalangan pelajarannya.

Antara usaha yang dijalankan adalah dengan menyediakan fasiliti perniagaan dan yang terbaru ialah penyediaan ruang niaga dipanggil 'Permatang'.

Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Permatang digunakan oleh pelajar bagi menjual barangan harian seperti buku-buku, alatan komputer dan lain-lain keperluan semasa mahasiswa.

Permatang itu juga akan disewa kepada penyewa luar bagi memperbanyakkan lagi bidang perniagaan di samping bagi menampung kos penyelenggaraan. Pada masa ini, Permatang ini akan diletakkan di bawah seliaan Pusat Keusahawanan, Pejabat HEPA.

Satu upacara penyerahan Permatang telah berlangsung di pejabat HEPA kelmarin dengan Pejabat Pembangunan UTeM diketuai oleh Arkitek Nik Ahmad Fikri Nik Ismail kepada Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.



UTeM Tuan Rumah Kejohanan Taekwando Terbuka Peringkat IPT

30 Oktober : UTeM menerusi Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) telah mengadakan satu kejohanan jempuan Taekwando (WTF) UTeM-KTJ kali ke-2 yang berlangsung di Dewan Besar.

Program ini merupakan anjuran Kelab Taekwando UTeM dengan kerjasama Kelab Taekwando Jasin (KTJ). Lebih daripada 17 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) yang terlibat di dalam kejohanan ini.

Penyelaras program, Megat Ahmad Haziq berkata, objektif utama penganjuran ini adalah untuk memberi pengalaman kepada ahli Kelab Taekwando UTeM sebagai penganjur kejohanan.

Majlis penutupan kejohanan Jempuan Taekwando (WTF) UTeM-KTJ kali ke-2 telah disempurnakan oleh Ismail B Abdol Jalil, Ketua Pusat Sukan HEPA, UTeM. Antara yang turut hadir ialah Ong Tai Chu, Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka (MSN), Master Chia Ngee Suan, Ketua Jurulatih Sukan Taekwando Negeri Melaka, Sir Michael Bong Cheng Swee, Jurulatih Kontinjen Taekwando UTeM dan Sir Yeo Joo Sin, Jurulatih Kelab Taekwando Jasin.





FTK ADAKAN LAWATAN KE MFI UniKL

21 November : Seramai 21 orang tenaga pengajar dan sokongan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mengadakan lawatan ke Malaysia France Institute (MFI) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) baru-baru ini.

Tujuan lawatan itu diadakan adalah bagi perbincangan dan berkongsi maklumat di dalam pengendalian dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program teknologi kejuruteraan di kedua-dua universiti terlibat.

Satu sesi taklimat ringkas dan perkongsian pengalaman MFI di dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran program teknologi kejuruteraan telah disampaikan oleh Ketua Kampus MFI, Prof. Madya Haron Abbas .

Selain itu, aspek persediaan untuk akreditasi program teknologi kejuruteraan khususnya berkaitan dengan struktur kurikulum, kepakaran tenaga pengajar, pembangunan makmal dan bengkel turut dikongsi oleh MFI di dalam sesi lawatan tersebut.



Taklimat Persediaan Latihan Kebakaran – Kerjasama UTeM dan Pihak BOMBA

10 November : Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) UTeM dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka telah mengadakan Taklimat Persediaan Menjalankan Latihan Kebakaran (Fire Drill).

Taklimat yang disertai oleh wakil-wakil dari seluruh Pusat Tanggungjawab (PTj) UTeM ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian Siswazah baru-baru ini.

Program ini dihadiri oleh Pegawai Bomba daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka, Aziz Bin Jaafar dan Rosli Manan. Sementara pihak UTeM diwakili oleh kakitangan PKKP dan wakil-wakil PTj dari UTeM.

Menurut Pengarah PKKP, Engr. Zulkifli Shariff berkata, tujuan program ini diadakan adalah selaras dengan fungsi dan tanggungjawab pejabat ini untuk menyediakan platform program dan aktiviti yang berkesan bagi meningkatkan mutu kerja dan kecekapan staf dalam memastikan keberkesanan dan keteraturan tindakan kecemasan dipatuhi.

Sementara itu Penolong Pendaftar PKKP Syamsul Iqbal menambah, program itu sebagai platform bagi memberi pengetahuan kepada staf tentang langkah-langkah dan kaedah bagaimana membuat persediaan untuk menjalankan latihan kebakaran (Fire Drill) serta langkah-langkah dan kaedah pencegahan dan keselamatan di bangunan.

Diharap dengan adanya program sebegini dapat membantu para peserta untuk memahami dengan lebih mendalam tentang cara-cara pencegahan kebakaran dan tindakan yang seharusnya diambil sekiranya berlaku kebakaran.



Program UTeM Terbilang Bentuk Jati Diri dan Semangat Kerja Berpasukan Yang Tinggi

15 November : Program UTeM Terbilang berjaya membentuk jati diri dan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan kakitangan baru UTeM. Seramai 66 orang staf baru UTeM telah menyertai program UTeM Terbilang di Tropical Fruit Farm Sungai Udang, Melaka baru-baru ini.


Objektif utama program itu adalah untuk meningkatkan serta memartabatkan kakitangan yang bermaruah, berkeperibadian tinggi, berakhlak mulia, komited kepada tanggungjawab dan kerjaya serta sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan.

Program anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) itu bertujuan memberi pendedahan terhadap fungsi pelbagai jabatan di universiti ini, di samping penerapan semangat berpasukan dan nilai-nilai murni sebagai penjawat awam.

Selain itu, dengan adanya program seperti ini para peserta mampu menghayati serta mengamalkan konsep Winning Attitudes kakitangan yang mempunyai daya kepimpinan yang berkualiti, berwawasan serta memiliki ketahanan fizikal, kekentalan mental dan spiritual.



Program PINTAR SUNTIK SEMANGAT WARGA KAMPUS BANDAR



20 November : Kini tiba giliran warga Kampus Bandar mengikuti Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang telah diadakan di Port Dickson baru-baru ini . Program anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada warga kerja Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT), Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) serta Penerbit Universiti.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah menyempurnakan majlis pembukaan program tersebut yang mensasarkan matlamat melahirkan warga UTeM yang berfikiran strategik, kreatif, semangat berpasukan dan memiliki sifat terpuji.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu memberi dimensi baru dalam menjalankan tugas harian. Aktiviti berkumpul sama ada indoor dan outdoor telah menyemarakkan semangat kerjasama yang tinggi di kalangan peserta. Turut menyertai PINTAR pada kali ini ialah warga Pusat Islam, Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) serta Pusat Sukan.



BKP Pejabat Pendaftar Anjurkan Program Motivasi Kasih & Tanggungjawab Terhadap Ibu Bapa

4 November : Seramai 100 orang UTeM telah mengikuti program motivasi bulanan bertajuk "Aku Bukan Tanggung" anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftar, yang berkisar tentang kasih dan sifat tanggungjawab terhadap ibu bapa.

Menurut Pengarah Program, Muhamad Hazrul Md Esa berkata, antara yang menarik dalam program ini ialah perkongsian input daripada penceramah jemputan khas iaitu Mohd Emeran Abd Salam yang merupakan Timbalan Penguasa Rumah Seri Kenangan Cheng.

Antara topik yang dibincangkan dan dikongsi di program ini termasuk tajuk tanggungjawab anak terhadap ibu bapa, memuliakan dan menghormati ibu bapa, menjaga kebajikan ibu bapa dan kesan menjadi anak yang baik.

Ternyata program sebegini memberi impak yang positif buat kakitangan UTeM dalam mendapatkan pengetahuan dan perkongsian pengalaman secara lebih mendalam lagi. Tambah beliau lagi, program sebegini akan diteruskan untuk setiap bulan yang akan datang menambahkan pengetahuan yang lebih meluas untuk kebaikan semua.



Kelahiran November 2011



Berita@UTeM mengucapkan **TAHNAH** kepada staf berikut yang telah menerima kelahiran cahaya mata baru-baru ini.



Nama Staf :
Nurul Akmar binti Mehat
(Perpustakaan)

Nama Anak :
Putri Arissa binti Mohd Razef

Tarikh Lahir : **3 November 2011**

Nama Staf :
Bob Faizeli bin Mohamed Din
(PPKK)

Nama Anak :
Muhammad Hakimi bin
Bob Faizeli

Tarikh Lahir : **19 November 2011**



Personaliti Pilihan



ROZAL BIN ABDULLAH
PEMBANTU KESELAMATAN KANAN
PEJABAT PENDAFTAR

Berasal dari Alor Gajah, Rozal memulakan perkhidmatan di universiti ini pada 3 September 2003 sebagai Pengawal Keselamatan (KP11).

Beliau pernah berkhidmat di dalam angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) selama 13 tahun. Tempoh tersebut telah membawa Rozal ke seluruh pelusuk dunia dan melengkapinya dengan kepakaran dalam bidang komunikasi.

Seorang yang aktif di dalam bidang sukan, Rozal merupakan pemain sepak takraw dan ping pong yang telah mengharumkan nama Pejabat Pendaftar di beberapa edisi kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) serta mewakili universiti ke Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM).

Menghabiskan masa lapang dengan bersukan, Rozal sememangnya sentiasa positif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Berbekalkan kesungguhan serta karisma dalam menjalankan tugas, pada 1 Julai 2011 Rozal dinaikkan pangkat selaku Pembantu Keselamatan Kanan.



NORAINA BINTI MD JAMBOL
PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN DAN OPERASI)
PEJABAT PEMBANGUNAN

Berasal dari Sungai Rambai Melaka, Noraina menyertai UTeM pada bulan Februari 2003 dan ditempatkan di Pejabat Pembangunan untuk melaksanakan urusan pentadbiran PTJ tersebut.

Seorang yang kaya dengan senyuman, Noraina akan bermain bowling bersama keluarga dan rakan-rakannya pada masa terluang. Malah, beliau turut mewakili Pejabat Pembangunan dalam acara bowling di samping sukan lain seperti badminton dan olahraga.

Menjadikan Shalin Zulkifli sebagai idolanya dalam sukan bowling, Noraina sentiasa berusaha gigih memperbaiki mutu permainan dan kelibatnya dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) pada tahun 2009 dan 2010 sering digeruni lawan.

Selain bersukan, ibu kepada dua orang cahaya mata ini turut meminati bidang masakan. Pada masa terluang, beliau akan menyediakan hidangan istimewa buat seisi keluarganya. Sikapnya yang mesra dan komited terhadap tugas di samping penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti universiti, menjadikannya salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010.



UTeM Naib Johan Bolasepak Antara Jabatan Kerajaan Negeri Melaka



11 November : Pasukan bola sepak staf UTeM mempamerkan mutu permainan yang memberangsangkan sepanjang kempen Kejohanan Sukan Antara Jabatan Kerajaan Negeri Melaka yang berakhir hari ini.

Menamatkan saingan selaku naib johan pada edisi tahun ini, pasukan bola sepak UTeM kendalian bekas pemain negara, Sapian Wahid sangat berpuas hati kerana berjaya mengharungi cabaran getir hingga ke peringkat akhir.

Pengurus UTeM, Zulkifli Maskuri yang ditemui pada perlawanan akhir menentang pasukan 3 Divisyen Kem Terendak berkata, "Kami tidak menjangkakan boleh pergi hingga ke peringkat akhir memandangkan pasukan baru dibentuk dan ini merupakan kejohanan yang pertama kali disertai UTeM," jelas beliau.

Menyingskap laluan UTeM ke final, Zulkifli menjelaskan bahawa pasukannya menundukkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada peringkat suku akhir dengan jaringan 2-0 sebelum dipertemukan dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Ketika tamat masa perlawanan separuh akhir, pasukan UTeM dan MPAG terikat dengan jaringan 2-2 sebelum pemenang ditentukan dengan sepakan penalti. Ketangkasan penjaga gol UTeM Mohd Faizal Zakaria menyumbang kejayaan pasukannya apabila layak ke peringkat akhir dengan jaringan penalti 3-1.

Berbekalkan keazaman yang tinggi, pasukan UTeM kemudiannya melangkah ke final untuk bertemu dengan 3 Divisyen Kem Terendak yang bermain dengan penuh konsisten dan berhati-hati. Ternyata pengalaman memihak kepada 3 Divisyen apabila mengeneipkan cabaran UTeM dengan jaringan 1-0 seterusnya bergelar juara.

